

# MBI nafi ada tanah runtuh berdekatan Lahat Mines

---

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri  
Am@Hmetro.Com.My

Ipoh: Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) menafikan dakwaan kononnya berlaku kejadian tanah runtuh di kawasan perumahan Waterfront City dekat Lahat Mines.

Terdahulu terdapat video berdurasi 1.11 minit yang ditularkan di platform TikTok baru-baru ini kononnya berlaku cerun runtuh berdekatan perumahan terbabit.

Jurucakap MBI berkata, susulan dakwaan tidak benar itu, pihak syarikat pemaju perumahan terbabit membuat laporan polis terhadap pemilik akaun TikTok berkenaan bagi membersihkan kembali nama syarikat.

"Penyebaran video itu adalah tidak benar yang mana tidak berlaku apa-apa kejadian tanah runtuh di kawasan Waterfrontcity, Lahat Mines.

"Laporan polis dibuat oleh pemaju atas kenyataan palsu itu kerana boleh menyebabkan terjejasnya nama syarikat dan penjualan rumah mereka," kata jurucakap berkenaan menerusi kenyataan petang tadi.

Menurutnya lagi, sememangnya terdapat rekahan kecil tanah yang berlaku di kawasan pembangunan itu dan kerja pembaikan dan pemulihan cerun sememangnya sudah dijalankan secara berperingkat.

"Pihak konsultan sudah dilantik oleh pihak syarikat bagi memberi nasihat berhubung kerja pembaikan dan pemulihan cerun yang sesuai dilaksanakan.

"Pembinaan ini sedang dijalankan sejajar dengan pembangunan pemajuan yang telah diluluskan," katanya.

Minggu lalu, Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin berkata, MBI masih menunggu laporan lengkap daripada pihak pemaju mengenai dakwaan di media sosial berkaitan kejadian cerun atau tanah runtuh berhampiran kawasan perumahan Lahat Waterfront City, di sini.

-Metro